

18 SEP 2002

Rencana: Pulau Tioman

TIOMAN: PULAU PELANCONGAN YANG KEKAL DALAM KEASLIAN

Oleh: Mohd Shukri Ishak

PULAU TIOMAN; -- Umum mengiktiraf Pulau Tioman sebagai pulau pelancongan yang tercantik di kalangan puluhan pulau serupa di Laut China Selatan - dan itulah yang cuba dipertahankan oleh semua pihak.

Walaupun pulau di luar pantai Pahang ini baru-baru ini menyertai Langkawi dan Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai, para perancang pembangunannya bertekad mahu menjadikan pulau peranginan ini sebagai sebuah destinasi pelancongan persekitaran berkualiti tinggi yang terunggul di rantau ini.

Status Bebas Cukai bukanlah segala-galanya bagi Pulau Tioman. Ia sekadar satu daya tarikan tambahan !

Jadi, jika anda berhasrat membeli-belah dan "berbelanja sakan", Pulau Tioman bukanlah destinasi yang menjanjikan kepuasan sedemikian buat masa ini.

Ini ialah kerana, kecuali sebuah hotel terkemuka di sini yang telahpun melaksanakan peraturan bebas cukai itu sejak perisytiharannya 1 September lepas, institusi-institusi perniagaan yang lain diberi tempoh peralihan selama tiga bulan daripada tarikh itu untuk berbuat demikian.

Ia bertujuan memberi peluang kepada para peniaga sedia ada menghabiskan stok barangan lama dan peniaga baru daripada kalangan agensi kerajaan atau swasta membangunkan premis perniagaan masing-masing.

Lagipun, menurut sumber, Kementerian Kewangan juga masih dalam proses menyediakan senarai lengkap barangan bebas cukai yang akan diniagakan di pulau ini.

#### TIOMAN JANJIKAN KEPUASAN

Walaupun pengunjung belum boleh menikmati sepenuhnya faedah daripada pemberian taraf bebas cukai itu, Tioman tetap menjanjikan kepuasan. Sebagai sebuah pulau peranginan yang paling kurang "dinodai", ia menjanjikan keindahan pantai, kehalusan pasir, ketenangan abadi, keunikan hidupan marin dan kesegaran udara.

Berada di pulau ini ibarat terlepas daripada segala belunggu dan tekanan. Ia sesungguhnya satu destinasi paling tepat bagi warga kota yang benar-benar mahu mencari ketenangan dan keheningan serta mahu membebaskan diri daripada belunggu pencemaran udara dan pencemaran bunyi.

Kelebihan itulah yang cuba dipertahankan para perancang pembangunan pulau ini. Mereka kini sedang rancak menyusun pelbagai strategi bagi menjadikannya sebuah pulau destinasi pelancongan persekitaran berkualiti tinggi dengan mengekalkan keasliannya semaksimum mungkin.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy ketika berkunjung ke sini baru-baru ini berkata, penarafan pulau ini sebagai pulau bebas cukai bertujuan untuk meningkatkan reputasinya sebagai pulau pelancongan.

Katanya, sebarang pembangunan fizikal yang ingin dijalankan di pulau seluas 13,360 hektar atau 134km persegi ini terpaksa mengambil kira segala aspek dan kesan kepada alam sekitarnya.

Pemberian taraf bebas cukai kepada pulau ini yang terletak 36 batu nautika dari Tanjung Gemok, Rompin diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari lepas.

Pemberian taraf itu dibuat berikutan lulusnya lima akta berkaitan iaitu Akta Kastam, Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Zon Bebas di Parlimen baru-baru ini.

Pulau Tioman mempunyai 3,201 orang penduduk yang mendiami beberapa

perkampungan seperti Kampung Salang, Air Batang, Tekek, Genting, Mukut, Lanting, Nipah dan Juara.

#### INDUSTRI PELANCONGAN

Rata-rata penduduknya terlibat secara langsung dengan industri pelancongan sama ada mengusahakan atau bekerja di chalet, resort, pengusaha bot-bot pelancong atau mengendalikan kedai makanan.

Para pengunjung yang berhasrat untuk ke pulau yang disifatkan antara yang tercantik di dunia itu boleh menggunakan jalan laut atau udara iaitu menggunakan feri atau bot pelancong di jeti Tanjung Gemok atau Mersing, Johor, atau menggunakan pengangkutan udara Berjaya Air.

Keindahan serta keunikan Tioman sudah sekian lama terkenal di dalam dan luar negara, Jadi, tidak hairanlah bilangan pelancong ke sini terus meningkat daripada setahun ke setahun, umpamanya, daripada 185,000 orang pada 1999 kepada 200,000 pada tahun 2000 dan 240,000 pada tahun lepas.

Kira-kira 60 peratus daripada pelancong itu terdiri daripada pelancong asing.

Ini adalah sejajar dengan hasrat Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) untuk menjadikan pulau ini sebuah destinasi pelancongan antarabangsa.

Pengurus Besar TDA, Hashim Mat Tahir berkata, matlamat pembangunan pulau Tioman ialah untuk menjadikannya sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dengan persekitaran yang berkualiti tinggi.

"Konsep pelancongannya ialah berlandaskan eko-pelancongan iaitu memperibadikan pembangunan selaras dengan penjagaan ekologi tempatan secara bersepadu selain pemulihan dan pengekalan imej yang sedia ada," katanya.

#### PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Menurut beliau, strategi pembangunan di pulau itu ialah mengekal, memulihara dan menyelenggarakan persekitaran alam sekitarnya agar dapat dinikmati pengunjung secara berterusan.

"Selain itu strategi pembangunan pulau ini juga ialah untuk menstruktur semula penempatan-penempatan utama dan meningkatkan penyediaan infrastruktur fizikal dan sosial," katanya.

Projek-projek dalam pelaksanaan di pulau ini ialah mengadakan sistem pelupusan sampah yang melibatkan kos RM12 juta, mewujudkan sistem kumbahan (RM10 juta), membina projek bekalan air Kg tekek, Salang dan Genting (RM5 juta), menaiktaraf jalan Kampung Tekek (RM1.5 juta) menaiktaraf Jeti di Tanjung Gemok, Kampung Tekek dan Kampung Mukut (RM6.4 juta).

Selain itu TDA juga, katanya, sedang menyusun strategi bagi pemulihan pantai yang turut mengambilkira kesan-kesan hakisan terutama di Kampung Tekek, Genting dan Juara.

TDA, katanya, tidak akan membiarkan keindahan semulajadi Pulau Tioman tergugat oleh pembangunan yang terlalu drastik dan setiap pembangunan perlu memastikan pengekalan keindahan dan keaslian alam semulajadinya.

(BERNAMA)

MS AM